

22 JUL 1999

Pas-Wanita (Fokus Berita)

"WANITA RUPAWAN" IGAUAN BURUK PAS?

Oleh: Roslan Ariffin

KOTA BAHARU, 22 Julai (Bernama) -- "Kerana mulut badan binasa, kerana seloroh Pas yang merana."

Ungkapan yang dibuat oleh seorang penyokong Umno itu merujuk kepada kenyataan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang dikatakan dibuat secara berseloroh mengenai wanita semasa persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan, Isnin lepas.

Kenyataan yang membayangkan kemungkinan hanya wanita yang dikategorikan "kurang rupawan" diambil bekerja sebagai kakitangan kerajaan negeri pada masa akan datang itu, turut menjadi bahan sindiran dan berbaur kelucuan.

Sesetengah kalangan mempersendakannya dengan berkata wanita Kelantan yang menjadi tulang belakang ekonominya sebagai usahawan dan peniaga, sebenarnya bebas melakukan apa sahaja semasa pemerintahan Pas kecuali kelihatan "cantik".

Kata-kata itu mungkin ada benarnya apabila dilihat bahawa sejak Pas memerintah Kelantan pada 1990, banyak dasar parti itu didakwa membelakangkan wanita.

Golongan itu berkata satu-satunya perkara yang dibuat oleh Pas untuk memartabatkan wanita ialah apabila menukar nama pasar utama di bandar ini kepada "Pasar Besar Siti Khatijah", sempena nama isteri Rasulullah, seorang usahawan berjaya -- bertepatan dengan keadaan dan suasana di dalam pasar itu yang dikuasai oleh kaum ibu.

Pas sering berkata bahawa pelbagai peraturan yang melarang wanita bercampur dengan lelaki perlu dibuat walaupun ada pihak tidak menyenangkannya, sejajar dengan kehendak Islam.

Daripada pendekatan itulah maka wujud kaunter berasingan untuk lelaki dan wanita di pasar raya serta larangan terhadap pekerja wanita memotong rambut lelaki dan peraturan supaya peniaga dan pembantu jualan yang terdiri daripada wanita Islam menutup aurat dan pelbagai lagi.

Bagaimanapun langkah Nik Aziz melarang wanita memakai gincu kerana dibimbangi boleh menimbulkan fitnah dan menjejaskan tumpuan pekerja lelaki serta kenyataan terbarunya ini, disifatkan sebagai sudah berlebihan dan sukar lagi diterima secara terbuka.

Beberapa wanita yang menjadi kakitangan kerajaan yang ditemui berhubung isu itu menyifatkan Nik Aziz memilih "bulu" dan mempersoalkan anugerah tuhan apabila memberi keutamaan kepada wanita "kurang rupawan" untuk bekerja.

Bagaimanapun Nik Aziz yang menyedari reaksi hangat terhadap kenyataannya itu segera memberi penjelasan bahawa ia bertujuan memberi keadilan kepada wanita.

"Wanita yang rupawan Allah Taala dah beri dia rupa. Biasanya wanita yang ada rupa mendapat suami yang kaya, wanita yang kurang rupanya kita kena pertimbangkan sedikit dengan duit, kita beri kerja dia dapat duit, mudah-mudahan dia dapat suami yang baik," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut membuat komen berhubung isu itu berkata langkah itu tidak munasabah dan menjadi satu penganiayaan terhadap wanita apabila dinafikan hak mencari nafkah hanya kerana dianugerahkan rupa yang cantik oleh Allah.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah pula mencabar kerajaan negeri supaya memecat kesemua pekerja wanitanya dalam kategori "rupawan" hanya untuk memastikan parti itu dapat menegakkan pemerintahan Islam.

Bagaimanapun Pas berkata kenyataan bahawa parti itu mendiskriminasikan wanita adalah karut apabila kerajaan negeri sentiasa berusaha membantu meringankan beban pekerja wanita.

Antara langkah yang diambil sebelum ini ialah memberi pengiktirafan kepada pekerja wanita dengan memberi cuti bersalin 60 hari serta cuti mingguan selama dua hari, yang antara lain bagi membolehkan golongan itu memberi tumpuan kepada keluarga.

Malahan pada persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan itu, Nik Aziz turut mengakui tanggungjawab berat wanita yang terpaksa menanggung pelbagai bebanan tugas di pejabat dan di rumah semata-mata bagi keluarga masing-masing.

Menyedari pentingnya wanita dalam pembangunan rohani dan jasmani generasi baru, Nik Aziz berkata beliau sentiasa berusaha meringankan masalah wanita termasuk membenarkan mereka pulang awal sepanjang bulan Ramadan.

"Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata membawa padah," kata penyokong Umno tadi sambil menarik perhatian akan hakikat bahawa di Kelantan wanita merupakan lebih daripada 50 peratus pengundi.

Sebilangan daripada mereka pasti berkecil hati apabila beranggapan Pas menyifatkan mereka sebagai gangguan dalam usaha menegakkan model pemerintahan yang bercirikan Islam.

Sebaliknya bagi Umno, ia akan memberi keadilan kepada wanita mengikut acuan parti itu yang memberi penekanan kepada akal dan ilmu, bukannya paras-rupa, sekiranya ia mendapat semula teraju pemerintahan di Kelantan.

"Kita dalam Umno suka beri peluang yang sama kepada semua pihak (lelaki dan wanita), gaji dan pendapatan sama asalkan tak bertentangan dengan Islam," kata Tengku Razaleigh.

Beliau berkata Umno mengiktiraf wanita untuk memegang beberapa jawatan utama yang sesuai dengan kemahiran mereka kerana terdapat bidang yang lebih berkesan dibuat oleh wanita.

Ekoran daripada perkembangan itu, Pas nampaknya wajar mencari jalan lain untuk memulihkan kepercayaan kalangan pengundi wanita menjelang pilihan raya umum akan datang, selain menafikan dakwaan yang ia bersikap kolot dengan menentang arus pembangunan dan pemikiran moden.

-- BERNAMA

RAR NMO